

04/06/2004

30 pen depositor Tabung Haji ada simpanan lebih RM10j

By Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA PERLIS: Sekurang-kurangnya 30 pen depositor Lembaga Tabung Haji mempunyai simpanan berjumlah lebih RM10 juta seorang, manakala 500 orang lagi memiliki akaun melebihi RM1 juta.

Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Zainol Mahmood, berkata lembaga itu kini mempunyai 4.7 pen depositor dengan jumlah simpanan RM11.2 bilion atau purata setiap penyimpan mempunyai simpanan RM2,383.

Melalui Skim Hadiah Galakan Sekolah-sekolah Malaysia saja, 137,293 pen depositor terdiri daripada guru, pelajar dan kakitangan sekolah dari 3,529 sekolah di seluruh negara menyimpan dalam Tabung Haji dengan jumlah simpanan RM170 juta tahun lalu, meningkat 20.7 peratus berbanding 2002.

"Ini membuktikan orang Melayu juga mampu memperoleh pendapatan tinggi hasil kemakmuran dan kemajuan negara dan menyimpan wang mereka dalam Tabung Haji," katanya di majlis penyerahan kereta jenazah sumbangan Tabung Haji kepada Masjid al-Rahmaniah di sini semalam.

Zainol berkata, Tabung Haji kini semakin kukuh dan berada di landasan yang betul selepas pelantikan lapan tokoh pelbagai bidang sebagai anggota Panel Penasihat Pelaburan Tabung Haji, dipengerusikan bekas Pengarah Urusan Amanah Partners Capital Berhad, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail.

Katanya, Panel Penasihat Tabung Haji terdiri daripada pakar bidang kewangan, pelaburan dan syarie itu mampu membawa Tabung Haji terus gemilang seterusnya memberi banyak manfaat kepada pen depositnya.

Rompakan Panel Penasihat Pelaburan Tabung Haji diumumkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Ogos 2001 selepas mendapati Tabung Haji mengalami kerugian akibat pelaburan yang kurang bijak.

Zainol juga berkata, seramai 22,000 jemaah haji negara ini yang mengerjakan haji setiap tahun membelanjakan kira-kira RM90 juta dalam tempoh sebulan berada di Tanah Suci.

"Jemaah haji Malaysia membelanjakan wang itu sebahagian besarnya untuk membeli belah selain membayar dam.

"Saya tidak tahu apa yang dibeli jemaah kita di sana sehinggakan ada peniaga Arab yang tahu berbahasa Melayu kerana disebabkan selalu berurusan dengan jemaah kita," katanya.

(END)